

Islam sebagai al Din
maksud Islam adalah cara
hidup yang lengkap
merangkumi akidah, ibadah
& akhlak

Sebab manusia perlu kepada
Islam sebagai cara hidup

1. Memandu arah hidup manusia
supaya mengikut syariat Islam

2. Cara hidup Islam adalah jalan
untuk kebahagiaan dunia & akhirat

3. Akal manusia terbatas
untuk mengetahui hakikat
kebenaran sesuatu perkara

4. Islam menjadi tatacara perhubungan
manusia untuk mencapai
keharmonian hidup bermasyarakat

1. Mengucap 2 kalimah syahadah
 - Penyaksian bhw tiada tuhan melainkan Allah dan bersaksi bhw Nabi Muhammad utusan Allah
 - Penyaksian ini adalah asas kpd penerimaan sesuatu ibadat oleh Allah

2. Solat 5 waktu sehari semalam
 - Ibadah yg mengandungi perkataan dan perbuatan yg dimulai dgn takbiratulihram dan disudahi dengan salam
 - Solat wajib Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak

5. Mengerjakan Haji bagi yang mampu
 - Melakukan ibadah haji sekali seumur hidup mengikut syarat tertentu
 - Berkemampuan dari aspek harta dan kesihatan

3. Mengeluarkan zakat
 - Mengeluarkan harta yg tertentu pada kadar tertentu dgn syarat tertentu
 - Zakat tersebut ialah zakat fitrah dan zakat harta

4. Berpuasa di Bulan Ramadhan
 - Menahan diri daripada melakukan perkara yang membatalkan puasa dari terbit fajar hingga terbenam matahari beserta niat
 - Wajib puasa sebulan bagi yang cukup syarat

1. Beriman kepada Allah

- Yakin & percaya kewujudan Allah serta menunaikan perintahNya dan meninggalkan laranganNya

2. Beriman kepada Malaikat

- Yakin & percaya kewujudan malaikat sbg makhluk yang dicipta Allah drp cahaya dan menjalankan tugas dengan taat

3. Beriman kepada Kitab

- Yakin & percaya Allah menurunkan kitab kpd para rasul sebagai panduan hidup manusia

5. Beriman kepada hari Akhirat

- Yakin & percaya bhw alam ini akan musnah dan manusia akan dibangkitkan semula dan dihisab utk menerima balasan syurga atau neraka

6. Beriman kpd qada' dan qadar

- Yakin dan percaya bhw segala yg berlaku kpd manusia dan alam telah ditetapkan oleh Allah

RUKUN IMAN

4. Beriman kepada Nabi dan Rasul

- Yakin & percaya para nabi dan rasul lelaki pilihan Allah yg diberikan wahyu pada mereka

IHSAN

APLIKASI IHSAN DALAM KEHIDUPAN

- Keadaan di mana manusia melakukan ibadah dan pekerjaan semata-mata kerana Allah
- Ikhlas, takut dan tunduk kepada Allah
- Ihsan mendorong manusia untuk meningkatkan kualiti ibadah dan pekerjaan

- 1) Belas kasihan kepada haiwan
- 2) Menolong orang kerana yakin ada balasan di akhirat
- 3) Tidak boleh mngumpat kerana Allah Maha Mendengar

PENGERTIAN

ISLAM

Bahasa : Sejahtera, Selamat & Penyerahan

Taat dan patuh kpd perintah Allah meninggalkan larangNya, beroleh kesejahteraan & keselamatan apabila berserah kpdNya

IMAN

Bahasa : Yakin & Percaya

Membenarkan dgn hati, berikrar dgn lisan & beramal dengan anggota badan terhadap segala perintah Allah

IHSAN

Bahasa : Berbuat Kebaikan

Kesungguhan dalam melakukan sesuatu ibadah dan pekerjaan semata- mata kerana Allah

KEPENTINGAN

RUKUN ISLAM

- 1) Asas ketaatan kepada ajaran Islam
- 2) Menjamin hubungan baik manusia dengan Allah
- 3) Merupakan kunci kejayaan dunia dan akhirat
- 4) Membawa kebahagiaan dalam hidup manusia

RUKUN IMAN

- 1) Iman merupakan syarat amalan di terima Allah
- 2) Menghubungkan manusia dengan Allah dari sudut kepercayaan berasaskan wahyu
- 3) Menegaskan konsep mengesakan Allah sebagai ajaran yang dibawa oleh semua nabi dan rasul

IHSAN

- 1) Merasakan Allah melihat segala gerak -geri sepanjang masa
- 2) Mengajar manusia berbuat baik pada manusia & makhluk lain
- 3) Mewujudkan masyarakat yang harmoni

Tindakan yg dilakukan utk menjadikan Islam sebagai cara hidup

- 1) Membaca, menghayati & mengamalkan al Quran
- 2) Menjadi Rasulullah sbg contoh ikutan dalam segala tindakan
- 3) Menghayati sirah perjuangan Rasulullah SAW
- 4) Menghayati sirah perjuangan para sahabat dan salafusoleh
- 5) Menghayati dan melaksanakan Rukun Islam, Rukun Iman dan Ihsan
- 6) Mendalami ilmu asas Islam yang terdiri daripada akidah, syariah dan akhlak

Qadak : Sesuatu yang berlaku kepada makhluk Allah SWT semasa hidup

Rukun : Asas atau prinsip yang mendasari sesuatu

Qadar : Sesuatu hal yang telah ditentukan oleh Allah SWT yang akan berlaku kepada makhluk-Nya sebelum makhluk itu dijadikan

Salafusoleh : Golongan umat Islam generasi terdahulu yang hidup dalam kurun pertama hingga kurun ke-3 Hijrah

Akidah ialah keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah serta sifat-sifat kesempurnaan-Nya berdasarkan dalil naqli dan aqli

Konsep Akidah

Ketuhanan (ilahiyah)

Nama2 Allah

- Memiliki nama yang indah (asmaul Husna)
- Nama paling agung Allah

Sifat Allah SWT

- Byk dan tidak terbatas
- Yg wajib diketahui
- 20 sifat wajib
- 20 sifat mustahil
- 1 sifat harus

Zat Allah SWT

- Wajib yakin adanya Allah
- Hakikat zat tidak dapat diketahui oleh manusia

Perbuatan (af'al) Allah

- Setiap perlakuan yg dilakukan Allah dengan kebijaksanaan dan keadilan berdasarkan kekuasaan (qudrat) & kehendakNya (iradat)

Kerasulan (Nubuwwah)

Sifat Wajib Rasul

1. As-Siddiq Benar
2. Al-Amanah Amanah
3. At-Tabliq Menyampaikan
4. Al-Fatanah Bijaksana

Sifat Mustahil Rasul

1. Al-Klzb Bohong
2. Al-Khianah pecah amanah
3. Al-Kitman Menyembunyikan
4. Al-Baladah Bodoh

Kitab

- Zabur (Nabi Daud)
- Taurat (Nabi Musa)
- Injil (Nabi Isa)
- Al Quran (Nabi Muhammad)

Tujuan Rasul

- 1) Menyeru manusia mentauhid dan menyembah Allah
- 2) Mengajar manusia cara beribadat dengan betul
- 3) Menunjukkan cara hidup Islam yang benar dan lengkap

Per Ghair (Ghaibiyah)

- 1) Perkara yang tidak dapat dilihat dan tersembunyi serta tidak nampak pada pandangan mata kasar
- 2) Hanya diketahui melalui wahyu al quran dan as sunnah
- 3) Manusia wajib percaya dan yakin akan kewujudan perkara ghaib yg dikhabarkan oleh nabi dan rasul


Contoh

- ❑ Malaikat, Iblis, Syaitan, Jin
- ❑ Qadq dan Qadar
- ❑ Barzakh, Hari Kiamat, Mahsyar, Hisab, Titian Sirat, Syurga dan Neraka

Nabi : Lelaki pilihan Allah yang diberikan wahyu kepadanya dan tidak diperintahkan menyampaikannya kepada orang lain

Rasul : Lelaki pilihan Allah yang diberikan wahyu dan diperintahkan menyampaikannya kepada orang lain

AMALAN YG BERKAITAN DENGAN PEGANGAN AKIDAH



Amalan berkaitan akidah yg benar

Berdoa kepada Allah

- Berdoa ialah senjata org mukmin
- Yakin bhw Allah memperkenankan doa org yg bertaqwa

Berzikir mengingati Allah

- Berzikir akan menenangkan jiwa orang yang beriman
- Amalan berzikir amat disukai Allah

Bertawakal

- Berserah kepada Allah setelah berusaha dan berdoa
- Yakin ketentuan baik daripada Allah

Bertaubat

- Memperbanyakkan istiqfar
- Menyesal dan tidak mengulangi kesilapan yang telah dilakukan

Mujahadah

- Berusaha bersungguh-sungguh melawan nafsu
- Meningkatkan ibadah untuk beroleh keredaan Allah

Muhasabah

- Menilai dan melihar kekurangan diri
- Bertaubat atas kesilapan dan memperbaiki diri

Syarak utama amalan diterima oleh Allah SWT

Benteng daripada perkara syirik, Khurafat dan bidaah

Tunjang kekuatan umat Islam

Kepentingan pelaksanaan amalan akidah menurut syarak

Beroleh rahmat dan keberkatan daripada Allah

Membentuk jati diri sebagai muslim sejati

Penentu kebahagiaan di dunia dan akhirat

Bukti akidah yang benar

- 1) **Memohon perlindungan** hanya kpd Allah
- 2) **Bersyukur** apabila beroleh kejayaan dlm kehidupan
- 3) Sentiasa ikhlas dalam amalan
- 4) **Menjauhi fahaman yg menyeleweng** drp ajaran Islam
- 5) Reda dengan ketentuan Allah
- 6) Menjauhi amalan tilik nasib atau ramalan bintang kelahiran

3) IBADAH MENURUT ISLAM

Maksud

Pengabdian kepada Allah melalui perbuatan, perkataan & pengakuan hati yang ikhlas semata-mata kepada Nya berlandaskan syariat Allah

1. **Keikhlasan** menjadi asas penerimaan ibadah di sisi Allah
3. **Tujuan hidup manusia** adalah untuk beribadah Allah

2. **Kewajipan menuruti perintah yang disyariatkan** & tidak mengada2kan ibadah

KONSEP IBADAH

4. **Ibadah melibatkan segala perbuatan manusia** dari segi rohani dan jasmani

Pembahagian Ibadah



Hubungan akidah & Ibadah

Akidah : Ikatan hati dan perasaan manusia kepada Allah
Ibadah : gerak langkah manusia bagi meneguhkan hubungan antara manusia dengan Allah

Fardu Ain : Kewajipan individu atas suatu amalan yang dituntut secara tegas oleh syarak ke atas setiap mukalaf. Amal dpt pahala, tinggal tanpa uzur syarie dosa

Fardu Kifayah : Kewajipan secara kolektif yg merujuk kepada suatu amalan yang dituntut oleh syarak ke atas org Islam secara umum untuk mengerjakannya. Sebahagian melakukan, terlepas yg lain dari kewajipan tersebut

Asnaf : Kelompok yg berhak menerima zakat iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, riqab, gharimin, fisabilillah dan ibn sabil

Amalan berkaitan Ibadah

Solat Fardu	<ul style="list-style-type: none"> ○ Solat lima waktu sehari semalam ○ Amalan pertama dihisab ○ Kewajipan yg tidak boleh ditinggalkan
Zakat	<ul style="list-style-type: none"> ○ Sedekah wajib ○ Zakat fitrah dan zakat harta ○ Memberikannya kepada asnaf
Belajar	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kewajipan penting bagi muslim ○ Perintah Iqra sebagai proses belajar ○ Mempelajari ilmu bermanfaat
Solat jenazah	<ul style="list-style-type: none"> ○ Kewajipan dalam pengurusan jenazah ○ Mempunyai 7 rukun (niat, berdiri, takbir 4 kali, al fatihah, selawat, doa pada jenazah, salam)
Penyelidikan	<ul style="list-style-type: none"> ○ Penyelidikan dan inovasi yg mendatangkan manfaat pada masyarakat ○ Memajukan umat Islam

Syarat Melakukan Ibadah

Ikhlas : Ibadah dilakukan hanya kerana Allah semata2 dan mengharapkan keredaan-Nya

Ittiba' as sunnah (mengikut Sunnah)
 Ibadah dilakukan sebagaimana yang disyariatkan oleh Allah dan rasul-Nya

3) IBADAH MENURUT ISLAM

Kepentingan Ibadah Menurut Islam

Lafaz Syahadah

- Bukti penyaksian Allah sbg pencipta dan N.muhammad utusan Allah
- Syarat menjadi muslim

Puasa

- Mendidik hawa nafsu
- Merehatkan sistem pencernaan
- Merasai kesusahan orang miskin

Solat

- Meneguhkan hubungan manusia dengan Allah
- Meningkatkan ketaqwaan
- Meningkatkan hubungan baik dlm masyarakat (s.jemaah)

Bekerja

- Mencari nafkah adalah ibadah
- Hidup mulia dan tidak membebankan orang lain

Belajar

- Menambahkan ilmu dan kemahiran
- Membangunkan tamadun agama, bangsa dan negara

1. Menjaga solat 5 waktu sehari dan semalam

4. Mengeluarkan zakat bagi membantu yg memerlukan

2. Puasa penuh bulan Ramadhan jika tiada uzur syari'e

Pelaksanaan Ibadah Wajib

5. Bekerja untuk memenuhi keperluan hidup dan memberi nafkah kepada tanggungan

3. Menunaikan haji dan umrah apabila memenuhi syarat wajibnya

5. Menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains untuk menghasilkan produk yang diperlukan masyarakat

Cara meningkatkan kualiti ibadah

- Sentiasa mengingati Allah ketika melakukan pekerjaan
- Meningkatkan ilmu pengetahuan tentang ibadah khusus dan umum
- Berdamping dengan orang soleh dan berilmu
- Sabat dan istiqamah dalam melakukan ibadah
- Memahami hikmah di sebalik kewajipan sesuatu ibadah

4) AKHLAK MENURUT ISLAM

Maksud Akhlak

Sifat yg tertanam dalam jiwa yang mendorong sesuatu perbuatan dan perlakuan tanpa memerlukan pertimbangan yg mendalam.



AKHLAK MAHMUDAH

Akhlak terpuji yang bersumberkan wahyu al quran dan al sunnah

AKHLAK MAZMUMAH

Akhlak terkeji yang dilarang oleh al Quran dan al sunnah daripada diamalkan

	Contoh Akhlak Mahmudah	Contoh Akhlak Mazmumah
Akhlak dengan Allah	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Reda ✓ Bersyukur 	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Putus asa ➢ kufur
Akhlak dengan Manusia	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Menghormati org lain ✓ Amanah 	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Memandang hina orang lain ➢ Khianat
Akhlak dengan Alam	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Menjaga kebersihan ✓ Memelihara alam sekitar 	<ul style="list-style-type: none"> ➢ Pengotor ➢ Mencemarkan alam sekitar

Proses Penyucian Jiwa

Mengosongkan jiwa daripada sifat buruk

Bermatlamat mencari keredaan Allah

Menghias jiwa dengan sifat2 terpuji

Mengindahkan pekerti melalui kelakuan lahiriah

Amalan berkaitan akhlak

- 1 **Penyabar**
 - Peristiwa Rasulullah di Taif
 - Sifat sabar rasulullah lahir dari kematangan hati dan akal
- 2 **Pemaaf**
 - Rasulullah memaafkan semua penduduk Quraisy ketika pembukaan kota Mekah
- 3 **Pemurah**
 - Rasulullah seorang pemurah peringkat Itsar (utamakan orang melebihi diri sendiri)

Cara memupuk akhlak mulia

- 1 Mentaati perintah Allah dan Rasulnya
- 2 Mencontohi dan meneladani Rasulullah yg berbudi pekerti mulia
- 3 Sentiasa berdoa memohon dihiasi akhlak mulia
- 4 Mujahadah dalam memperbaiki diri
- 5 Sentiasa bermuhasabah diri
- 6 Bersabar dan istiqamah dalam berakhlak mulia

Akhlak terpuji akan mewujudkan suasana aman dan memberi ruang memperbaiki potensi manusia serta menambah produktiviti

Individu

- Membina jati diri yg baik mengikut al Quran & al Sunnah
- Melahirkan individu yg bertaqwa

Masyarakat

- Melahirkan masyarakat yg harmoni
- Meneguhkan perpaduan masyarakat



Keluarga

- Membentuk keluarga bahagia
- Saling bertolak ansur dan bantu membantu

Negara

- Membina negara sejahtera dan dirahmati Allah
- Meningkatkan imej negara

PENGAMALAN AKHLAK ISLAM

Hormat menghormati

- Menghormati rakan tanpa mengira bangsa dan agama
- Memuliakan tetamu tanpa mengira kedudukan

Tolong- menolong

- Suka menghulur bantuan seperti membantu rakan dalam kesusahan
- Cepat membantu orang yang memerlukan pertolongan

Prihatin

- Bersimpati dgn penderitaan orang lain
- Sentiasa berusaha dan ada inisiatif membantu

Kasih -sayang

- Mengeratkan silaturahim dan merapatkan ukhuwwah sesama manusia
- Mengelakkan pergaduhan dan permusuhan

5 PRINSIP

1. Rabbaniyyah

KETUHANAN – iaitu segala hukum, prinsip, nilai & peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah

2. Syumuliyah

LINGKAP / SEMPURNA - iaitu agama Islam yang dibawa oleh nabi Muhammad SAW lengkap dan sempurna meliputi kehidupan dunia dan akhirat

3. 'Alamiyyah

SARWAJAGAT - iaitu Islam ialah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman

4. Waqiiyyah

REALITI / PRAKTIKAL - iaitu Islam ialah agama yang praktikal, mampu diamalkan oleh semua golongan manusia

5.1 Thabat

TETAP & TEGUH – iaitu perkara yang tetap (qat'iy), tidak boleh diubah dasar serta pelaksanaannya menurut Islam

5.2 Murunah

LUWES / ANJAL – iaitu boleh berubah mengikut kesesuaian, namun masih tetap pada prinsip asasnya

Rabbaniyyah

- ❖ Islam ialah agama yg diwahyukan oleh Allah
- ❖ Islam dan semua makhluk adalah hak milik Allah
- ❖ Islam ialah pegangan yg jitu dan bersih dari segala kekurangan dan hawa nafsu
- ❖ Allah sebagai pemberi peraturan hidup

Syumuliyyah

- ❑ Kesempurnaan hanya milik Allah
- ❑ Islam tidak terikat dengan masa, tempat dan ruang tertentu
- ❑ Manusia dibekalkan dengan akal dan syariat yg sesuai dgn t/jawab sbg hamba dan khalifah Allah

Ciri – ciri Prinsip Pandangan Hidup Islam

"Alamiyyah

- Kedudukan manusia sebagai sebaik-baik kejadian
- Nilai keadilan Islam bersifat sejagat
- Islam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran
- Islam menjamin hak asasi manusia

Waqiiyyah

- Praktikal dan mampu diamalkan
- Menyelesaikan masalah kehidupan
- Menekankan kesederhanaan dan keseimbangan hidup

Thabat

- Akidah, kepercayaan & keyakinan terhadap Allah yg esa dan tiada sekutu
- Ibadat khusus cth (solat fardu, puasa, haji & zakat). Syariat telah menetapkan pelaksanaannya
- Ketetapan hukum syariah cth (hudud, qias, diat dan takzir)

Thabat

- ✓ Islam adalah agama yang mudah
- ✓ Dilaksanakan mengikut keadaan dan kemampuan

Keistimewaan Prinsip Pandangan Hidup Islam

1

Sesuai dengan Fitrah & akal manusia

- Allah lebih mengetahui fitrah kejadian manusia
- Wahyu diturunkan sesuai dengan fitrah dan akal manusia

2

Bersifat jelas dan praktikal

- Peraturan dan panduan dalam Al Quran dan sunnah jelas dan praktikal
- Mudah dilaksanakan dan tidak membebankan

3

Sesuai dgn peranan sebagai khalifah

- Manusia ialah pengganti dalam melaksanakan ajaran Islam
- Bertujuan memakmurkan kehidupan manusia

4

Keseimbangan

- Seimbang dari sudut rohani dan jasmani
- Seimbang dalam hubungan dengan Allah, manusia dan alam sekitar

5

Mementingkan budaya ilmu

- Mengangkat darjat manusia dgn penguasaan ilmu
- Membina ketamadunan dan kemajuan hidup berdasarkan ilmu

6

Rahmat bagi sekalian alam

- Islam membawa rahmat kepada semua makhluk
- Islam mementingkan nilai kasih sayang dan persaudaraan

Kepentingan Prinsip Pandangan Hidup Islam

Prinsip Rabbaniyyah

- Memahami tujuan kehidupan.
- Segala yang ada di dunia hanya sementara, akhirat destinasi sebenar.

Prinsip Syumuliyah

- Islam menetapkan sistem yang cukup lengkap merangkumi seluruh aspek kehidupan.

Prinsip 'Alamiyyah

- Islam mengutamakan bidang kemanusiaan.
- Sikap diskriminasi perkauman ditentang dalam Islam

Prinsip Waqi'iyah

- Islam agama praktikal.
- Setiap suruhan dan tegahan berkaitan dengan rohani dan jasmani manusia

Prinsip Thabat & Murunah


- Syariat yang ditetapkan oleh Allah mampu untuk dilakukan
- Jika ada lesukan pasti ada pemudah cara

Maksud Insan

Insan ialah makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan akal dan ditugaskan untuk mengabdikan diri kepada Allah serta memakmurkan alam

Penciptaan Adam

Manusia pertama ciptaan Allah Abu al Basyar (bapa semua manusia) Dicipta dari segumpal tanah



Peringkat Alam dilalui Manusia

1) Alam Roh

- Alam roh ialah alam yg dirahsiakan Allah.
- Roh bermaksud nyawa yg menyebabkan jasad hidup dan bergerak
- Manusia berikrar dan mengakui akan keesaan Allah

2) Alam Rahim

- Alam manusia dlm kandungan ibu
- Ditiupkan roh,
- Ditetapkan ajal, rezeki dan amalannya

3) Alam Dunia

- Alam nyata yang kita alami saat ini.
- Allah mencipta alam ini sebagai tempat untuk manusia beribadah dan menjadi khalifahNya
- Alam sementara manusia diuji

4) Alam Kubur


- Alam memisahkan antara alam dunia dan akhirat.
- Barzakh menjadi tempat persinggahan sementara menunggu hari kiamat sesudah kematian
- Soalan munkar dan nakir
- Nikmat dan seksaan kubur

5) Alam Akhirat

- Alam kekal abadi setelah terjadi kiamat
- Allah memberi balasan kepada hambaNya atas segala amalan selama di dunia
- Buku amalan, timbangan (al mizan), titian sirat, syurga dan neraka

ALAM MUSYAHADAH : Alam nyata yang dapat ditanggapi oleh pancaindera dan akal manusia tentang kewujudannya seperti manusia, haiwan, dan tumbuhan

ALAM GHAIB : Alam yang tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera dan akal. Kewujudannya hanya dapat diyakini daripada penjelasan al Quran dan al sunnah seperti alam barzakh, alam mahsyar, syurga dan neraka




Manusia perlu memelihara fitrah kejadian insan sebagai hamba dan khalifah Allah

Tindakan untuk Memelihara Fitrah Kejadian Insan

- Menjaga sikap dan tingkah laku, memupuk akhlak mulia dan menjaga kesucian diri
- Menjadikan keluarga dibina atas ketaqwaan dan kasih sayang agar kehidupan menjadi tenteram
- Mengambil berat, membantu dan membimbing rakan- rakan supaya mereka sentiasa positif melakukan kebaikan
- Melaksanakan amanah dengan penuh tanggungjawab , berlaku adil dan menjauhi kezaliman


TEMA 2

7) TANGGUNGJAWAB SEBAGAI HAMBAA DAN KHALIFAH ALLAH (1)



Tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah Allah

Allah & Rasul	Manusia	Alam
1 Menyembah Allah yg Maha Esa tanpa menyirikkanNya	1 Menjalinakan hubungan silaturrahim sesama manusia	1 Mentadbir & memakmurkan alam secara terancang
2 Mematuhi segala perintah Allah dan menjauhi laranganNya	2 Memelihara hak sesama manusia spt memelihara hak jiran	2 Menggunakan sumber alam secara bijaksana dan efektif
3 Bersyukur atas nikmat Allah dan sentiasa mengingati Nya dgn zikrullah	3 Mengamalkan nilai murni dlm masyarakat dgn konsep amar makruf nahi mungkar	3 Memelihara alam daripada pencemaran dgn tidak membuang sampah merata- rata
4 Berselawat dan menteladani sunnah Rasulullah	4 Sentiasa hormat menghormati sesama masyarakat	4 Menggiatkan usaha pemuliharaan alam bagi menjaga flora & fauna



Kepentingan Melaksanakan Tanggungjawab Manusia Sebagai Hamba dan Khalifah Allah

- 1. AGAMA**
 - Syariat dan undang- undang Islam dapat dilaksanakan
 - Rakyat berpegang teguh dengan ajaran Islam yang sebenar
 - Nilai murni dan akhlak mulia dapat dipraktikkan oleh masyarakat
- 2. PENDIDIKAN**
 - Melahirkan masyarakat madani yang bertaqwa
 - Masyarakat mendapat pendidikan rohani, fizikal, mental dan emosi yang seimbang
 - Melahirkan tenaga pakar untuk mentadbir dan memakmurkan alam
- 3. POLITIK**
 - Melahirkan pemimpin yang berintegriti
 - Kestabilan politik terjamin dan melancarkan urusan pentadbiran negara
 - Negara menjadi aman dan sejahtera
- 4. EKONOMI**
 - Ekonomi maju dan pesat.
 - Pembangunan negara dapat dijalankan dengan lancar
 - Merapatkan jurang ekonomi dalam kalangan masyarakat
- 5. SOSIAL**
 - Perpaduan dapt dikekalkan
 - Masyarakat hidup dengan toleransi dan saling menghormati
 - Wujud keharmonian dalam masyarakat

TEMA 2

7) TANGGUNGJAWAB SEBAGAI HAMBA DAN KHALIFAH ALLAH (9)

Hubungan Hamba dan Khalifah

Hakikat manusia sebagai hamba Allah bukan **satu penghinaan tetapi satu kemuliaan**

Keistimewaan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah ialah **satu anugerah dan amanah yg tidak dimiliki oleh makhluk lain**

Hubungan hamba dgn khalifah Allah dapat dijelmakan **dengan konsep penyerahan diri kepada Allah dalam akidah, syariat dan akhlak**

Tindakan Sebagai Hamba dan Khalifah Allah

KEMPEN KITAR SEMULA

- Membentuk diri supaya sentiasa menjaga kebersihan
- memupuk masyarakat menyayangi alam sekitar

BENGKEL KEMAHIRAN & INOVASI

- Menjana pemikiran kreatif dan kritis
- Menggunakan akal mencipta sesuatu yg dapat dimanfaatkan oleh orang lain

KURSUS KEPIMPINAN SEKOLAH

- Melatih diri sebagai pemimpin yang baik
- Mengamal amal makruf nahi mungkar

KEM JATI DIRI

- Membentuk keyakinan diri dan kekuatan rohani
- Memberi kesedaran tentang manusia sebagai hamba dan khalifah Allah



TEMA 2

8) PERANAN WAHYU DAN AKAL (PART 1)

WAHYU

Pengertian

Ka;am Allah yg disampaikan kepada para nabi dan rasul melalui perantara malaikat Jibrail atau terus daripada Allah

Ciri- ciri

- Datang dari Allah dan kebenarannya adalah mutlak
- Diturunkan kepada nabi dan rasul sahaja bukan orang awam
- Wahyu diturunkan melalui perantara malaikat Jibrail, mimpi yang benar, suara disebalik tabir, ilham dalam hati Rasulullah
- Kesucian terpelihara hingga hari kiamat
- Wahyu terhenti dan tidak diturunkan selepas kewafatan Rasul

Perkara yang merosakkan Akal

- Penyalahgunaan bahan terlarang seperti dadah dan syabu
- Gejala negatif dan maksiat seperti membaca buku atau bahan lucah
- Mengambil makanan dan minuman yang memabukkan serta merosakkan akal seperti arak
- Memikirkan perkara di luar kemampuan akal seperti memikirkan tentang zat Allah

AKAL

Pengertian

Keupayaan berfikir yang dikurniakan oleh Allah kepada manusia untuk membizakannya dengan haiwan

Ciri - ciri

- ❑ Anugerah paling istimewa yang dikurniakan oleh Allah kepada manusia untuk berfikir
- ❑ Akal membezakan manusia dgn haiwan
- ❑ Akal tidal mampu memikirkan perkara ghaib
- ❑ Akal sentiasa berubah dan berkembang

AL QURAN

- ❖ 114 Surah
- ❖ 30 juzuk
- ❖ 6 236 Ayat
- ❖ Surah Makkiah 86
- ❖ Surah Madaniah 28

Kandungannya benar dan tiada keraguan

Kandungan dan hukumnya kekal hingga hari kiamat

Keistimewaan Al Quran

Panduan al Quran meliputi pelbagai aspek seperti akidah, ibadah, akhlak dan lain- lain

Membaca dan mendengar al Quran dikra sebagai ibadah dan mendapat pahala

Fungsi Wahyu

Terhadap Akidah

Panduan & pedoman bagi akidah yang soheh

Memperbaiki & membetulkan akidah manusia

Menerang & menjelaskan perkara ghaib spt syurga, neraka & titian sirat

Terhadap Ibadah

Sebagai sumber utama syariat Islam

Membimbing & membetulkan tatacara beribadat

Ganjaran & balasan beribadah ditetapkan oleh wahyu

Terhadap Akhlak

Panduan dalam pembentukan akhlak mulia

Menetapkan hukum2 praktis yang berkaitan dengan akhlak

Membimbing masyarakat untuk berinteraksi antara satu sama lain

Fungsi Akal

1. Memahami hakikat kebesaran & kekuasaan Allah

2. Memahami & memikirkan wahyu firman Allah

3. Memahami dan membuktikan kebenaran Islam

4. Mempelajari cara2 untuk mendekati diri & beribadat kepada Allah

5. Membezakan antara perkara kebenaran dengan perkara kesesatan

6. Memikirkan kejadian makhluk dan alam


Kedudukan Wahyu

- 1) Wahyu merupakan sumber dan panduan kepada setiap manusia
- 2) Menjadi rujukan utama dalam menentukan hukum hakam
- 3) Sebagai pemisah antara hak dengan batil
- 4) Pemikiran yang bertentangan dengan wahyu dianggap salah dan sesat
- 5) Sebagai petunjuk mutlak yang tidak terpengaruh dengan suasana ataupun peristiwa

Kedudukan Akal

- 1) Kurniaan Allah yang paling istimewa kepada manusia
- 2) Membantu memahami kandungan wahyu
- 3) Menjadi syarat dalam pembelajaran ilmu
- 4) Menjadi syarat penerimaan taklif Syariat Islamiah bagi manusia yang sempurna akal
- 5) Mempunyai keterbatasan untuk menjelaskan sesuatu seperti perkara ghaib

Kepentingan Wahyu dalam Memelihara Akal



Perkara yang merosakkan akal

- 1** Penyalahgunaan bahan terlarang seperti dadah dan syabu
- 2** Gejala negatif dan maksiat seperti membaca atau menonton bahan lucah
- 3** Mengambil makanan dan minuman yang memabukkan serta merosakkan akal seperti arak
- 4** Memikirkan perkara di luar kemampuan akal seperti memikirkan tentang zat Allah

Keselarasan Wahyu dan Akal

Wahyu
Tuntutan Al Quran mengharamkan zina
Akal
Zina boleh membawa penyakit dan meruntuhkan nilai akhlak dan moral

Wahyu
Riba diharamkan dalam al Quran
Akal
Riba menzalimi orang

TEMA 3

9) ASAS SISTEM SOSIAL ISLAM (PART 1)

Sistem Sosial Islam

Sistem yang mengawal dan memberi panduan berkaitan cara manusia berhubung antara satu sama lain.

Matlamat Sistem Sosial Islam

- Mendapatkan keredaan Allah
- Melaksanakan tugas sebagai khalifah untuk mentadbir dan memakmurkan alam
- Melaksanakan hak dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya
- Mencapai kesejahteraan dan kemakmuran hidup di dunia dan akhirat

Sumber Utama Sistem Sosial Islam

Al Quran

Kalam Allah yang diturunkan melalui malaikat Jibrail kepada Rasulullah utk disampaikan dan diamalkan kepada manusia.

Al Sunnah

Segala yang disandarkan kepada Nabi Muhammad dari segi perkataan, perbuatan, pengakuan dan akhlak.

Al Ijmak

Kesepakatan para ulamak mengenai sesuatu hukum syarak berasaskan al Quran dan al sunnah selepas kewafatan Rasulullah.

Al Qias

Menyamakan sesuatu hukum yang tiada nasnya dengan sesuatu hukum yang ada nasnya disebabkan adanya persamaan illah (sebab hukum)

1
Berpandukan al Quran & al Hadith

Menghormati kepelbagaian budaya dan adat resam

Adab dan Etika Sistem Sosial Islam

2
Perhubungan atas dasar iman dan taqwa kepada Allah

3
Mengutamakan kepentingan umum berbanding kepentingan individu

4
Mengamalkan akhlak mulia pada setiap masa

HAK ASASI MANUSIA

1 Kebebasan Beragama

- Islam tidak memaksa untuk memeluk Islam. Ia berdasarkan kerelaan hati seseorang individu
- Islam memberi kebebasan kepada penganut agama lain untuk mengamalkan agama mereka

2 Kebebasan Bersuara

- Islam menjamin kebebasan bersuara bagi mengemukakan pendapat masing-masing
- Islam mengharamkan perbuatan yang boleh merosakkan perpaduan masyarakat seperti menyebarkan fitmah dan mengadu domba

3 Perlindungan Nyawa

- Islam meletakkan nyawa manusia sebagai sesuatu yang sangat berharga
- Pelaksanaan undang-undang Islam bertujuan menegakkan keadilan dan melindungi nyawa

4 Kehormatan Diri

- Islam mewajibkan manusia memelihara kehormatan diri agar tidak dipandang hina oleh orang lain
- Masyarakat islam perlu hindar perbuatan yg boleh mencemarkan maruah diru spt zina dan pergaulan bebas

5 Pemilikan Harta

- Islam menganjurkan agar manusia berusaha meningkatkan taraf hidup dan mencari rezeki secara halal
- Harta yang diperolehi hendaklah digunakan untuk menyara keperluan hidup seharian dan membantu golongan yang memerlukan

6 Keamanan dan keselamatan

- Islam menjamin keamanan dan kesejahteraan dalam kehidupan manusia
- Keselamatan dan kebebasan golongan bukan Islam turut terjamin jika mereka tinggal dalam negara Islam

Keistimewaan Sistem Sosial Islam

1

Bersumberkan Al Quran dan Al Sunnah

- ❑ Menjalinakan hubungan dan pergaulan antara manusia berteraskan panduan wahyu dan peraturan ditetapkan oleh Allah
- ❑ Pembentukan dan pentadbiran masyarakat bersumberkan kepada akidah, syariat dan akhlak
- ❑ Bermatlamat untuk mencapai sejahteraan dunia dan akhirat

2

Menjaga Has Asasi Manusia

- ❑ Menjamin hak asasi manusia meliputi hak untuk hidup, persamaan darjat, hak untuk mendapat keadilan, pemilikan harta dan kebebasan mengamalkan ajaran agama masing- masing.
- ❑ Merealisasikan keadilan sosial kepada seluruh ahli masyarakat berteraskan kepada prinsip keadilan dalam Islam
- ❑ Menyemai sikap saling memahami antara ahli masyarakat.

3

Menjadikan keluarga sebagai asas masyarakat sejahtera

- ❑ Mewujudkan individu yg berkualiti, berperilaku mulia dan berakhlak terpuji melalui pendidikan dan asuhan dalam keluarga
- ❑ Melahirkan anggota masyarakat yang bertaqwa yg sentiasa menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran
- ❑ Keharmonian institusi kekeluargaan merupakan asas kepada kesejahteraan masyarakat dan negara

4

Membangunkan modal insan yang berilmu dan berakhlak mulia

- ❑ Mementingkan penguasaan ilmu pengetahuan dan memberikan peluang untuk mendapatkan pendidikan kepada seluruh ahli masyarakat
- ❑ Menitikberatkan pemupukan akhlak mulia yg dapat melahirkan perpaduan, kasih sayang dan perasaan hormat menghormati dalam masyarakat
- ❑ Melahirkan individu yang terdidik dengan ilmu pengetahuan dan akhlak mulia sbg modal insan yg dpt menjalankan amanah untuk membangunkan negara pada masa akan datang

ADAB

Tingkah laku sopan, berbudi bahasa, pekerti yg halus dan mulia

ETIKA

prinsip moral atau nilai- nilai akhlak yg menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan manusia

Keputusan Sistem Sosial Islam

1 AGAMA

- ❖ Melahirkan masyarakat yg mentaati perintah Allah dalam kehidupan

2 POLITIK

- ❖ Menjamin kestabilan politik
- ❖ Memastikan pemerintahan dilaksanakan dengan adil dan amanah

3 Ekonomi

- ❖ Menegakkan keadilan ekonomi dlm masyarakat berdasarkan kepada sistem jual beli dan mengharamkan riba
- ❖ Memberi kebebasan kepada semua pihak berusaha mencari harta dan memiliki kekayaan secara halal

4 PENDIDIKAN

- ❖ Membangunkan sistem pendidikan holistik yang meliputi ilmu fardu ain dan fardu kifayah

5 PERPADUAN

- ❖ Mewujudkan masyarakat yang saling hormat menghormati antara satu sama lain

Merealisasikan Sistem Sosial Islam Dalam Masyarakat

GOTONG ROYONG

- ✓ Membantu masyarakat setempat membersihkan persekitaran rumah

PROGRAM RIMUP

- ✓ Menjalinakan hubungan baik antara murid daripada pelbagai kaum

SUKANEKA

- ✓ Mewujudkan semangat bekerjasama dalam kumpulan

10) SISTEM KEKELUARGAAN ISLAM

Konsep Kekeluargaan Islam

Keluarga ialah unit sosial yang dihubungkan melalui peralihan darah, perkahwinan atau anak angkat. Keluarga asas terdiri daripada suami, isteri dan anak2.


Ciri2 kekeluargaan Islam

- Dibina berdasarkan ketaatan pada Allah
- Sentiasa mengamalkan akhlak mulia & contoh teladan yg baik
- Melaksanakan peranan & tanggung jawab masing-masing
- Sentiasa berkomunikasi secara positif
- Sentiasa memberi sokongan antara satu sama lain



- Rukun Nikah
- ❖ Suami
 - ❖ Isteri
 - ❖ 2 org saksi
 - ❖ Wali
 - ❖ Akad (ijab & kabul)

Kepentingan Pembinaan Keluarga




Peranan Ahli Keluarga

- #### SUAMI
- Pemimpin keluarga
 - Memastikan setiap ahli keluarga taat perintah Allah dan jauhi laranganNya
 - Menyediakan keperluan asas
 - Melindungi ahli keluarga
 - Memberi pendidikan yang sempurna Berlaku adil jika berpoligami

- #### ISTERI
- Taat kepada suami dalam hal yg tidak bertentangan dengan perintah Allah
 - Menjaga rahsia rumahtangga
 - Mengurus hal ehwal rumahtangga seperti menjaga harta suami dengan baik
 - Membantu suami dalam mendidik anak- anak.

- #### ANAK
- Mematuhi ajaran agama
 - Menjauhi perbuatan mungkar
 - Mematuhi nasihat ibu bapa
 - Menghormati ibu bapa
 - Berbakti kepada ibu bapa
 - Berkomunikasi dengan sopan
 - Mejnaga maruah ibu bapa dan keluarga

- #### PERANAN SUAMI & ISTERI
- Memelihara dan mendidik anak dengan baik
 - Menghubungkan silaturahim antara kedua belah pihak
 - Menunaikan hak pada pasangan
 - Nasihat menasihati



TEMA 3

11) PRINSIP PERGAULAN MENURUT ISLAM

Konsep Pergaulan Menurut Islam

Pergaulan dalam Islam merujuk kepada **Komunikasi antara seorang individu dgn individu lain** berteraskan syarak

Asas Pergaulan

Saling Mengenal Ta'aruf

- Memberi salam ketika bertemu
- Mengenal latar belakang
- Berkomunikasi dgn sopan

Saling Memahami Tafahum

- Bersikap lapang dada dan pemaaf
- Saling nasihat menasihati
- Menjauhi sikap adu domba (namimah)

Saling Bekerjasama Ta'awun


- Saling tolong menolong ke arah kebaikan
- Prihatin
- Menghulurkan bantuan



Sifat mahmudah dalam pergaulan

Sifat terpuji yang diamalkan oleh seseorang individu semasa berinteraksi dengan orang lain


Contoh Sifat Mahmudah



Cara memupuk sifat mahmudah

- Mempelajari ilmu yang benar
- Dilatih dan dipupuk sejak kecil
- Mempraktik sifat mahmudah dalam pergaulan
- Membudayakan sifat mahmudah dalam masyarakat

Kepentingan Pergaulan menurut Islam



Konsep Hiburan Menurut Islam

Hiburan dalam Islam merujuk kepada **sesuatu perkara yang dapat menghiburkan dan menggembirakan hati seseorang** yang selari dengan kehendak syarak



Adab dan Etika Hiburan

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> ❖ Hiburan yang boleh meningkatkan keimanan ❖ Hiburan yang tidak bercanggah dengan syarak ❖ Hiburan yang berteraskan nilai akhlak Islam ❖ Sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berhibur | <ul style="list-style-type: none"> ❖ Menghasilkan karya hiburan yang asli ❖ Berhibur secara sederhana dan tidak melampaui batas ❖ Tiada unsur yang merosakkan akidah dan maksiat ❖ Tidak mengganggu atau menzalimi orang lain |
|--|---|

Hiburan Dalam Kehidupan

1 Meningkatkan keimanan dan Ketaqwaan kepada Allah

4 Menghasilkan hiburan yg selari dgn nilai akhlak Islam

Kepentingan Adab dan Etika Hiburan

2 Mengetahui batasan manusia dalam berhibur

3 Menjaga jiwa dan maruah diri

- 1) Bertujuan untuk kebaikan
- 2) Betulkan niat mengadakan program untuk mendapat kerediaan Allah
- 3) Program mesti mendapat kelulusan pihak berkuasa
- 4) Memakai pakaian yg sopan dan menutup aurat
- 5) Tiada pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan
- 6) Lirik lagu tidak bercanggah dengan hukum syarak
- 7) Menghormati waktu solat
- 8) Gaya persembahan tidak mengundang maksiat

Konsep kesenian Islam

Kesenian menurut Islam bermaksud **aktiviti seni atau hasil karya yang dicipta dengan menggunakan bakat dan kreativiti manusia** bagi menzahirkan keindahan dan kehalusan yang menepati syarak



Adab & Etika Kesenian Islam

- | | | | |
|---|--|---|---|
| 1) Menghasilkan kesenian yg boleh meningkatkan keimanan | 2) Hasil seni yg tidak bercanggah dengan syarak | 3) Kesenian yang berteraskan nilai akhlak Islam | 4) Sentiasa memelihara ibadah wajib ketika berkarya |
| 5) Mencipta karya yang asli | 6) Berkarya secara sederhana dan tidak melampaui batas | 7) Tiada unsur merosakkan akidah dan maksiat | 8) Tidak mengganggu atau menzalimi orang lain |



CONTOH KESENIAN ISLAM

- ↓
Seni Khat & Kaligrafi
- ↓
Seni seramik
- ↓
Seni reka fesyen
- ↓
Seni Fotografi